

**MARTIN KELABU**  
Dusky Crag Martin

FAMILI: Hirundinidae  
NAMA SAINTIFIK: *Hirundo concolor*

#### **CIRI-CIRI**

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai bahagian bulu yang berwarna coklat gelap di mana bahagian rengkong dan dada adalah lebih pudar serta terdapat jalur-jalur kecil yang gelap. Individu ini mempunyai bahagian ekor yang bercabang serta terdapat jaluran bintik-bintik yang berwarna putih (kelihatan semasa ekor dikembangkan). Bagi individu juvenil pula, bulu pada bahagian atas badan dan sayap berwarna kelabu kemerahan manakala pada bahagian rengkong, tidak terdapat sebarang jalur. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 13-14 sm.

#### **MAKANAN**

Makanan utama terdiri daripada serangga-serangga yang bersaiz kecil.

#### **HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan habitat yang pelbagai selalunya di kawasan persekitaran tebing yang curam, gua atau bangunan, pada ketinggian sehingga ke 1,600 m dari aras laut.

#### **BUNYI**

Burung ini mengeluarkan siulan bunyi yang lembut selalunya bunyi *chit* yang lembut.

#### **PEMBIAKAN**

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Mac hingga April di mana sarang dibina daripada lumpur yang berbentuk bujur, melekat pada bahagian permukaan batu, bangunan atau pada struktur binaan tiruan, pada ketinggian sehingga ke 30 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2-4 biji, berwarna putih serta terdapat tompokan berwarna coklat kemerahan. Telur ini berukuran kira-kira 17.6 X 12,8 mm secara purata.